

**COMPANY PROFILE**  
**BUJINS L BATIK SDN BHD (BUJINS)**



**a) Maklumat Korporat Syarikat**

- Nama Syarikat** : **Bujins L Batik Sdn Bhd (Bujins)**
- Nama Pemilik** : Taufiq Hussien
- Latar belakang Syarikat** : Ia telah ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada tahun 2014.
- Sejarah Penubuhan** : Perniagaan Batik Bujins dimulakan oleh *Amir Harith bin Mat Kashim* setelah beliau menamatkan pengajian peringkat Diploma Seni Kraf Batik di Institut Kraf Negara, Rawang, Selangor pada tahun 2011, namun secara rasminya didaftarkan oleh *Fakrul Azlee bin Fakurol Rodzi* dan *Farhi bin Zainal* dengan nama *Bujins L Batik Sdn. Bhd.* Pada tahun 2017, syarikat ini secara rasminya diambil alih oleh *Taufiq bin Hussien*.
- No. Pendaftaran** : 1101561-V
- Alamat Urusan** : No 11, CoSpace @ CoPlace 1, 2270 Jalan Usahawan 2, 63000 Cyberjaya, Selangor

**Alamat Kilang** : Sri Cipta, Lot 1989 Batu 4, Jalan Kuala Krai, 16010 Kota Bharu, Kelantan

**No. Telefon** : 013-2528980 / 019-2508980

**Modal Syarikat** : RM10,000.00

**Jumlah Pekerja** : 6 orang kakitangan

**Kisah Kejayaan** : Lahir dalam keluarga seni, cinta Bujin terhadap seni pembuatan batik telah sebat di dalam dirinya. Beliau yang merupakan lepasan Institut Kraftangan Malaysia di Rawang, telah membuka sebuah galeri batik di Ayer 8, Putrajaya yang dinamakan “Bujins Gallery” pada tahun 2014 yang mempamerkan koleksi batik eksklusif buatan tempatan. Koleksi batik ini menggabungkan seni kreatif kontemporari dan futuristik. Bujin merupakan satu-satu pembatik yang pernah mendapat Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (kini dikenali sebagai MySkill) pada tahun 2009.

Setelah mendapat suntikan dana daripada usahawan Malaysia yang baru pulang dari Amerika Syarikat, En Taufiq Hussien, Bujins melangkah setapak lagi dengan membuka *Bujins Academy* yang bertempat di Kota Baharu, Kelantan untuk memberi peluang penduduk luar bandar terutama generasi muda dan yang berpendapatan rendah mengenai penghasilan seni rekaan batik yang lebih kontemporari dan bersifat futuristik. Sesi pengambilan pelajar baru akan dibuat pada setiap tahun dengan pengambilan pelajar seramai 15 hingga 20 orang bagi setiap sesi. Pelajar akan mengikuti kursus jangka pendek dalam tempoh 6 bulan di akademi tersebut bermula dengan modul

melukis, mencanting dan seterusnya proses pembuatan batik sebenar. Pelajar juga didedahkan dengan aspek tambahan seperti pengenalan kepada perniagaan.

Pada tahun 2016, pasukan dari *Bujins Academy* telah memenangi hadiah pertama bagi kategori kraf tangan, tempat kedua dalam *soft furnishing* dan tempat ketiga dalam kategori fesyen di Pertandingan Batik Piala Seri Endon yang pernah dimenangi oleh Bujin sendiri pada tahun 2012. Mereka juga memenangi *Inaugural Kelantan Batik Challenge 2016* yang dianjurkan oleh Yayasan Noor Al Syakur.



**Bujin's Gallery di Ayer 8, Putrajaya**



**Sesi Pengajian di Bujin's Academy**

## **b) Keistimewaan Produk**

Produk batik yang dihasilkan oleh beliau tertumpu kepada konsep dan motif futuristik bersesuaian dengan citarasa semasa. Konsep futuristik yang ditampilkan menitik-beratkan idea, warna, gaya dan susun atur yang menonjolkan gabungan idea yang menarik dan mempunyai ciri reka bentuk abstrak dan masa depan.



### c) **Pasaran dan Sasaran Pelanggan**

Memandangkan Bujins merupakan nama yang masih lagi meningkat naik, pasaran kini lebih tertumpu kepada golongan pertengahan dan separa-atas. Sasaran sebenar untuk produk daripada Bujins ialah golongan atas yang mampu menilai seni batik yang dihasilkan oleh Bujin memandangkan kualiti dan hasil seninya yang tinggi dan masa yang lama untuk menghasilkan setiap helaian batik tersebut.

Bujins juga sedang menumpukan perhatian kepada pasaran maya serta pasaran antarabangsa dengan mengambil inisiatif bekerjasama dengan beberapa usahawan Malaysia di luar negara.



#### d) Program Pembangunan PKS anjuran kerajaan yang telah disertai

- i. Aktiviti Pameran Perdagangan Luar Negara di Who's Next Paris, Perancis tahun 2014 anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- ii. Aktiviti Pameran Perdagangan Luar Negara di Milan, Itali tahun 2014 anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia



#### e) Kolaborasi/Rakan Strategik

- i. **Taufiq Hussien**, usahawan dari Amerika Syarikat : Usahasama dalam menyumbangkan idea dan pemikiran baru dalam perniagaan. Taufiq akhirnya melabur dalam syarikat Bujins L Batik Sdn Bhd sebagai rakan kongsi.
- ii. **Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia** : Usahasama dalam aspek pemasaran dan pembangunan usahawan

- iii. **Tourism Malaysia** : Usahasama dalam aktiviti promosi dan publisiti
- iv. **Butik Kita-Kita** : Pengambilan produk daripada Bujins L Batik bagi memenuhi permintaan pelanggan kelas atasan (Pengasas syarikat adalah Puan Nori Abdullah)
- v. **Yayasan Budi Penyayang** : Membantu mempromosikan produk batik dalam dan luar negara.
- vi. **MATRADE** : Mengaturkan beberapa siri *business-matching* dengan pembeli dari luar negara. Membuka peluang untuk mengadakan pameran di luar negara.
- vii. **SME Corporation** : Meletakkan nama Bujins L Batik sebagai salah satu syarikat contoh dalam Laporan Tahunan SME Corp 2017. Meletakkan produk Bujins di ruang pameran SME Corp.

#### f) Pencapaian/Anugerah yang diterima

1. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri di Pertandingan Kemahiran Malaysia anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran Tahun 2009
2. Pingat Perak Pertandingan Anugerah Kreatif anjuran Institut Kraf Negara Tahun 2011
3. Juara Pertandingan Piala Seri Endon anjuran Yayasan Budi Penyayang Tahun 2012
4. Juara Pertandingan Piala Seri Endon anjuran Yayasan Budi Penyayang Tahun 2016 (Bujin bersama ibunya)





**v. Menjadi jurudemo batik bagi pelbagai agensi dalam dan luar negeri**

**Penyertaan Jurudemo Batik Bagi Aktiviti Promosi Peringkat Antarabangsa Menerusi Kraftangan Malaysia :**

1. Yunan China, ASEAN 2011
2. Bangkok, Thailand : ASEAN 2011
3. Who's Next Paris, 2014
4. Milan, Itali 2014

**Penyertaan Jurudemo Batik Bagi Aktiviti Promosi Peringkat Antarabangsa Menerusi Tourism Malaysia :**

1. Mauritius, East Africa, 2013
2. Capetown, South Africa, 2014
3. Johannesburg, South Africa, 2014
4. Istanbul, Turkey, 2014

**g) Perancangan pada masa hadapan**

- Pencarian lokasi strategik bagi penempatan dan pembukaan *outlet*

baru untuk memperluas pemasaran produk Bujins Gallery.

- Menubuhkan Bujins Academy di kawasan bandar terutamanya di Kuala Lumpur bagi mengembangkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi industri batik tempatan.
- Bercita-cita untuk mewujudkan galeri batik buatan Malaysia di luar negara seperti di Amerika Syarikat, London dan Paris.
- Meluaskan pasaran batik Bujins melalui *e-commerce*.
- Membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang pembuatan batik dan juga tenaga pengajar mahir dalam bidang batik.
- Menambah elemen Revolusi Industri 4.0 dalam pembuatan batik melalui penggunaan mesin-mesin automasi.
- Menambah elemen teknologi dalam industri batik seperti penggunaan 3D-printing, Internet of Things, alat canting elektronik dan sebagainya.